



MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi)

PERMOHONAN KEMASUKAN KE MAKTAB RENDAH SAINS MARA TINGKATAN EMPAT TAHUN 2009 SEMENANJUNG MALAYSIA

Permohonan adalah terbuka kepada pelajar tingkatan tiga warganegara Malaysia yang layak untuk kemasukan ke MRSM tingkatan empat tahun 2009.

A. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MASUK KE MRSM :

1. Mendapat sekurang-kurangnya **6A 2B (A dalam Matematik dan Sains) dan tiada gred C, D atau E bagi subjek teras dalam PMR tahun 2008.**
2. Mendapat **markah yang tinggi dalam Ujian Kemasukan ke MRSM (UKKM) 2008.**

B. UJIAN KECENDERONGAN KEMASUKAN MRSM (UKKM) :

Pemohon akan menduduki UKKM selepas Peperiksaan PMR diadakan. Pemohon akan diberitahu oleh Pejabat MARA Negeri / Daerah berdekatan tentang tarikh, masa dan tempat UKKM

sebelum 30 September 2008. Pemohon juga boleh membuat pertanyaan di Pejabat MARA Negeri dan Daerah sebelum Peperiksaan PMR 2008 bermula.

NOTA :

1. Keutamaan diberikan kepada pemohon daripada keluarga berpendapatan rendah.
2. Hanya permohonan yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbangkan.
3. Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
4. Pemohon yang tidak menduduki Ujian Kecenderungan Kemasukan ke MRSM (UKKM) tidak akan dipertimbangkan.
5. MRSM menawarkan jurusan Sains Tulen sebagai jurusan utama. (Subjek Lukisan Kejuruteraan tidak ditawarkan).

C. SYARAT-SYARAT MEMOHON BORANG :

1. Pelajar Bumiputera (tingkatan tiga di Semenanjung Malaysia) dan pelajar bukan Bumiputera (tingkatan tiga yang sedang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan) di Semenanjung Malaysia.
2. Pelajar yang sedang menuntut di **Sekolah Berasrama Penuh (SBP dan SBPI)** Kementerian Pelajaran **tidak dibenarkan** memohon dan tidak akan ditawarkan ke MRSM.
3. Pemohon hendaklah **lulus Peperiksaan Semester Satu (Mei 2008) Tingkatan Tiga** di Sekolah Menengah Kebangsaan dengan memperoleh sekurang-kurangnya **lulus dalam Subjek Matematik dan Sains.**

D. CARA MEMOHON BORANG :

1. Borang permohonan boleh didapati di **PEJABAT MARA DAERAH BESUT** mulai **21 Julai 2008** dengan bayaran sebanyak **RM10.00 (Ringgit : Sepuluh Sahaja)**.

2. **Tarikh tutup mendapatkan borang adalah pada 1 Ogos 2008**. Sila bawa salinan kad pengenalan, surat beranak serta keputusan Peperiksaan Semester Satu (Mei 2008) Tingkatan Tiga, yang disahkan benar, semasa mendapatkan borang permohonan @ pihak sekolah boleh membeli borang secara pukal dengan menyenaraikan nama pelajar dan keputusan Peperiksaan semester satu dan senarai ini disahkan oleh pengetua atau pentadbir sekolah.

3. Maklumat lanjut berkaitan permohonan kemasukan ke MRSM 2009 boleh juga didapati dengan melayari Laman Web MARA di alamat <http://www.mara.gov.my>.

E. TARIKH TUTUP PERMOHONAN :

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan selewat-lewatnya **pada atau sebelum 8 Ogos 2008** ke alamat seperti berikut :-

**Pengarah,
Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah) MARA,
Tingkat 19, Ibu Pejabat MARA,
Jalan Raja Laut,
50609 KUALA LUMPUR.**

Pemohon yang berjaya sahaja akan dihubungi. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang jawapan sehingga **30 April 2009** permohonan anda dianggap **tidak berjaya**.

**CAWANGAN HAL EHWAL PELAJAR
BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN (MENENGAH)
MARA.**

Yang benar,

Arman Khadri Bin Mohd Najib
Pegawai MARA Daerah Besut
Tel : 09-6971005
Faks: 09-6903 371